

16 JUN 2000

MAHATHIR-GLOBALISASI/I

GLOBALISASI SECARA SEMULAJADI TIDAK MEMUSNAHKAN

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Globalisasi secara semulajadinya tidak bersifat memusnah tetapi apa yang memusnahkan adalah penyalahgunaan yang wujud hasil daripada proses globalisasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Contoh jelas pertembungan negatif dengan globalisasi adalah krisis kewangan Asia yang berlaku baru-baru ini di mana aliran pesat modal yang menyeberangi sempadan telah membawa kepada ketidakstabilan kadar, menyebabkan negara-negara kehilangan wang, menjejaskan perniagaan dan begitu ramai orang yang menjadi miskin, katanya.

Bercakap di Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Alaf di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata malahan negara-negara yang terletak beribu-ribu batu jauhnya dari Asia juga tidak terkecuali daripada menerima tempasnya dan ekonomi dunia jatuh menjunam.

"Satu-satunya pihak yang mengaut keuntungan daripada manifestasi globalisasi ini adalah manipulator mata wang manakala dalam masa yang sama berjuta-juta orang kehilangan pekerjaan dan kekayaan yang dikumpul oleh mereka selama ini," katanya.

"Persoalan yang perlu ditanya adalah sama ada globalisasi semestinya akan menyebabkan pergolakan ekonomi besar-besaran bagi seluruh dunia. Tidak adakah cara untuk membentuk semula atau mengawal selia globalisasasi agar ia dapat memberi manfaat kepada golongan miskin dan dalam masa yang sama tidak memiskinkan golongan yang kaya? malahan, tidak bolehkan golongan yang kaya terus menambahkan kekayaan mereka tanpa perlu mencetuskan kegawatan ekonomi dan memiskin negara-negara yang menjadi sasarannya?" tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata perdagangan mata wang dan modal yang mengalir menyeberangi sempadan sudah berlaku sejak dahulu lagi tetapi keadaan ketidakstabilan ketika itu adalah minimum.

Bagaimanapun dana lindung nilai, dibantu dengan sejumlah besar modal mendapati bahawa mereka sebenarnya boleh mempengaruhi pergolakan dalam kadar pertukaran dengan menurun atau menaikkan nilai matawang secara menjual atau membeli matawang tertentu, katanya.

"Ketika spekulasi adalah dalam bentuk mempertaruhkan semua risiko yang terlibat, manipulasi kadar pertukaran oleh dana lindung nilai yang besar menerusi belian dan jualan mereka sendiri tidak membabitkan sebarang risiko. Pulangan 30 peratus adalah satu jaminan kepada pelabur paling kaya dalam dana lindung nilai," tambahnya.

Dengan menyalahkan keseluruhannya kepada manipulasi dana lindung nilai yang dikatakan sebagai punca kepada kegawatan kewangan dan ekonomi yang berlaku baru-baru ini, Perdana Menteri berkata mereka telah menggunakan pasaran bebas tanpa kawal selia untuk mencari keuntungan bagi diri sendiri dan dalam proses tersebut telah menjerut perniagaan sebenar termasuk perniagaan pelancong.

Dr Mahathir berkata kegawatan ekonomi boleh dielakkan jika "kita bersedia untuk mengenalpasti pesalah-pesalah terbabit dan mengawal selia kegiatan mereka."

Bagaimanapun, dunia kelihatan masih belum bersedia untuk menamakan pesalah-pesalah terbabit serta mengambil tindakan terhadap mereka, katanya kepada peserta-peserta sidang kemuncak tersebut yang terdiri daripada ketua-ketua industri daripada industri mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).

Sementara menunggu ia menjadi kenyataan, Dr Mahathir berkata penawar sendiri perlu diusahakan untuk menyediakan suasana persekitaran ekonomi dan kewangan yang stabil bagi perniagaan untuk terus berkembang maju.

Dalam hal Malaysia, negara telah menetapkan kadar pertukarannya bagi membolehkan perniagaan membuat perancangan perbelanjaan mereka dengan teliti.

"Mereka tidak akan dibebankan dengan kos melindungi nilai. Seperti yang mungkin telah anda sedari, kos melawat Malaysia bukan sahaja rendah tetapi juga boleh dijangka," katanya.

Mengenai industri mesyuarat, sub-sektor industri pelancongan, Dr Mahathir berkata ia memainkan peranan penting dalam ekonomi dengan nilai seluruh dunia dianggarkan pada AS\$280 bilion.

Dalam bersaing bagi pelancong antarabangsa, Dr Mahathir berkata pelancong mesyuarat atau persidangan adalah antara kumpulan sasaran kerana mereka juga kerap datang sebagaimana pelancong biasa.

Kini setelah Malaysia bangkit semula dengan pemulihan ekonomi yang menyakinkan, prospek bagi peningkatan kukuh dalam industri mesyuarat akan lebih cerah, katanya.

Selain pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kestabilan politik dan peluang pelaburan yang menarik juga boleh menarik lebih ramai pelabur dan ahli perniagaan asing datang ke negara ini, katanya.

Dengan peningkatan dalam trafik MICE ke rantau ini, Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia untuk merebut peluang tersebut dengan menawarkan pelbagai kemudahan konvensyen dan perkhidmatan menarik serta prasarana yang perlu.

Beliau berkata pada akhir tahun lalu, terdapat sejumlah 1,404 hotel di Malaysia yang menyediakan sejumlah 109,413 bilik. Kebanyakan hotel-hotel tersebut mempunyai kemudahan mesyuarat yang mencukupi untuk menyediakan kepada kegiatan MICE.

-- BERNAMA

AD ZK